

Agama Islam dalam Membentuk Riwayatnya

Islam – Agama keimanan yang tak tergoncang, menakjubkan dunia

Agama Islam telah disiarkan oleh junjungan kita Nabi Muhammad *sallā Allāh ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam*. Baginda dilahirkan pada tahun Masihi 570 dan wafat dalam tahun 632 Masihi. Islam adalah agama yang terakhir yang berfahaman keesaan Allah (*tawhīd*)

Terjemahan dari bahasa Inggeris oleh:

A. B. Husni

Nabi Muhammad *sallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* adalah seorang yang tak bersekolah yang tak tahu menulis dan membaca. Dalam usia 40 tahun, baginda mulai menerima wahyu dari Tuhan dengan perantara malaikat Jibrīl, supaya menjadi pesuruh Allah dan menyiarkan agama Islam. Nabi Muhammad mendidik kita supaya sembahyang kepada Allah, bukanlah sembahyang kepada baginda sendiri atau kepada dewa-dewa dan berhala-berhala. Dan demikianlah orang-orang Muslimin sehingga dewasa ini beriman: “Tiada Tuhan selain daripada Allah dan Nabi Muhammad adalah pesuruh-Nya.”

2. Nabi Muhammad *sallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi sallam* mula-mula menyiarkan agama Islam di Makkah selama tiga belas tahun lamanya, akan tetapi mulanya baginda tak banyak mendapat pengikut. Setelah banyak mendapat penderitaan dan kesulitan, baginda terpaksa pindah ke Madinah. Di bandar ini baginda tinggal selama sepuluh tahun. Dalam tahun yang kedelapan hijriyyah, baginda berjaya menguasai negeri Makkah, dan mengislamkan penduduknya.

3. Pada masa itu Islam telah mempunyai penganut-penganut yang maha banyak. Dan kesemuanya itu adalah usaha Nabi Muhammad, yang telah mengislamkan rakyat selama dua puluh tiga tahun dan berjaya menghapuskan penyembahan berhala dan perbuatan-perbuatan syirik. Umat Islam diwajibkan percaya kepada Allah dan sembahyang kepada Allah yang Maha Esa. Nabi Muhammad *sallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* wafat di Madinah. Sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut baginda dalam masa lima belas tahun setelah itu telah mengislamkan rakyat dari negara-negara Timur Tengah, seperti Syria, Iraq, Palestin, Mesir dan Parsi dan menjadikan negara-negara ini negara Islam.

4. Setelah lewat masa seribu tiga ratus tahun, hampir sejumlah seperenam dari bilangan penduduk dunia telah pun memeluk agama Islam, dan mereka itu semuanya orang-orang Muslim yang beriman. Boleh jadi setengah orang mengatakan, bahawa Islam itu adalah suatu agama yang disiarkan dan disebar dengan cara paksa, akan tetapi siapakah yang dapat membuktikan, bahawa

sesuatu yang ditubuhkan dengan kekerasan itu dapat

Negara-negara seperti China, India, Tanah Melayu,

kekal hidup subur sedemikian lamanya? Dan masih


Indonesia dan lain-lain, tidak pernah berperang dengan

sehingga dewasa ini menjadi suatu agama iman yang

bangsa Arab, akan tetapi kita dapati jumlah yang besar

luar biasa dan yang tak dapat digoncangkan??

dari orang-orang Muslimin ialah di negara-negara ini. Jumlahnya



Peta alam Islam yang terbentang luas di muka bumi. Kawasan-kawasan hitam ialah negara-negara Islam yang banyak sekali penduduk Islamnya. Manakala kawasan yang berjalur hitam tebal ialah negeri-negeri yang banyak juga rakyat Islamnya, sedang kawasan putih yang bergaris hitam halus ialah negara-negara yang tidak seberapa penduduk Islamnya.

(Seyogia disebut angka-angka dalam peta ini ada yang tidak betul. Misalnya Pakistan dikatakan 40 juta umat Islamnya padahal yang betulnya kira-kira 70 juta. Sebaliknya India dikatakan penduduk Islamnya berjumlah 62 juta padahal yang betulnya kira-kira 40 juta sahaja. Begitu juga Filipina dikatakan 100 ribu umat Islamnya padahal yang betulnya 2 juta lebih. Jelasnya umat Islam di seluruh dunia berjumlah 500 juta lebih. Bukan 400 juta sebagaimana yang tersebut didalam maka¹ ini. Qalam – in shā’u Allāh – akan menyiarkan banci umat Islam dari punca yang betul dan menurut banci yang akhir sekali – Pengarang Qalam).

¹ Kesalahan ejaan. Perkataan sebenar adalah ‘makalah’.


hampir dua ratus ribu juta.

Sedangkan di Afrika dewasa ini, kita dapati setiap hari hampir kira-kira seratus orang yang memeluk agama Islam, semuanya itu dengan tidak mempergunakan kekerasan.

5. Islam tidak pernah ada mempunyai suatu *missionary*, yang mempunyai kewajiban tunggal hanya istimewa untuk menyiarkan Islam sahaja, akan tetapi rakyat yang memeluk agama itu melakukan hal ini dengan sukarela sahaja.

6. Barangkali hanya sangat sedikit sahaja negara di dunia ini yang tak ada mempunyai rakyat yang beragama Islam.

Inilah suatu bukti berkenaan dengan peribahasa, bahawa



Islam adalah suatu mukjizat dewasa ini.

Orang-orang Islam telah banyak memberikan sumbangan-sumbangannya bagi peradaban dunia, dan saya tak dapat memberikan keterangan yang lengkap di sini, kerana kesempitan tempat.

Gambar peta yang diterakan dalam makalah ini sudah cukup menunjukkan, bagaimana orang-orang Muslimin dewasa ini sedang berkembang di segenap bahagian dunia, dan oleh sebab itu barangkali juga tuan-tuan akan menaruh minat untuk mempelajari keadaan yang sebenarnya itu kenapa ada terdapat suatu mukjizat yang sedemikian itu di dunia ini”:

Banyaknya Orang-orang Islam di dalam Dunia.

(Asalnya dari seorang, sekarang sudah hampir menjadi lebih dari empat ratus juta orang dalam masa 1375 tahun. Bukankah hal itu suatu hal yang ajaib?)

Keterangan peta dunia Islam yang terlampir ini ialah warna hitam dan hitam bercampur garis-garis putih – mewakili negara-negara yang banyak penduduk Islamnya.

Warna pucat dan garis-garis halus – mewakili negara-negara yang tak seberapa banyak penduduk Islamnya.

(Dipetik dari surat sebaran yang diserahkan oleh Tuan Haji Ibrahim T.Y. Ma kepada Qalam)